



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS : DSM 1043
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Ekonomi berasal daripada perkataan *Greek* iaitu *Oikos nomos* yang membawa maksud
 - A peraturan buruh.
 - B peraturan gaji minimum.
 - C peraturan ekonomi rumahtangga.
 - D peraturan di dalam sesebuah rumahtangga.
2. Manakah antara berikut diandaikan tidak berubah dalam penerbitan Keluk Kemungkinan Pengeluaran?
 - A Tingkat teknologi.
 - B Citarasa pengguna.
 - C Tingkat harga umum.
 - D Bekalan wang dalam ekonomi.
3. Rajah 1 di bawah menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran RS bagi sesebuah negara.




Rajah 1

Pernyataan manakah antara yang berikut **benar** berkaitan dengan rajah 1 di atas?

- A Penambahan barang X melibatkan kos lepas yang malar.
- B Penambahan barang X tidak melibatkan sebarang kos lepas.
- C Kos lepas semakin kecil apabila semakin banyak barang modal dihasilkan.
- D Kos lepas semakin meningkat apabila semakin banyak barang Y dihasilkan.

4. "Kuasa besar pengguna" bermakna pengguna
- A dapat mempengaruhi dasar-dasar kerajaan melalui kuasa politik.
 - B dapat mempengaruhi jenis dan kuantiti barang yang akan dikeluarkan oleh pengeluar.
 - C bebas menggunakan sumber ekonomi yang dimiliki untuk memaksimumkan pendapatan.
 - D mempunyai kebebasan untuk memilih barang yang digunakan untuk memaksimumkan kepuasan.
5. Ciri yang membezakan sistem ekonomi pasaran bebas dengan sistem ekonomi perancangan pusat ialah dalam sistem ekonomi perancangan pusat
- A peruntukan sumber ekonomi dipengaruhi oleh kuasa besar pengguna.
 - B campurtangan kerajaan dan mekanisma harga yang menentukan peruntukan sumber.
 - C pengeluar swasta yang menentukan bagaimana sumber ekonomi diperuntukkan untuk memaksimumkan keuntungan.
 - D arahan datang daripada perancangan pusat bukannya mekanisma harga untuk menentukan peruntukan sumber.
6. Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran kamera di pasaran.



Antara berikut, yang manakah **benar**?

- A Harga kamera terlalu mahal sehingga wujud lebih permintaan.
- B Harga kamera terlalu murah sehingga wujud lebih penawaran.
- C Harga kamera semakin murah apabila kuantiti diminta semakin banyak.
- D Harga kamera terlalu mahal sehingga tiada seorang pengguna pun yang sanggup membelinya.

7. Antara berikut, yang manakah **tidak** mengalihkan keluk permintaan sesuatu barang?
- A Harga barang tersebut meningkat.
 - B Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi.
 - C Harga barang penggantinya semakin murah.
 - D Citarasa pengguna yang tidak menyukai barang tersebut.
8. Jadual 1 yang berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.


| Harga (RM) | Kuantiti diminta (unit) | Kuantiti ditawarkan (unit) |
|------------|----------------------------|-------------------------------|
| 20 | 1000 | 350 |
| 30 | 800 | 480 |
| 40 | 600 | 600 |
| 50 | 550 | 790 |
| 60 | 420 | 880 |
| 70 | 300 | 1200 |

Jadual 1

- Apakah yang akan berlaku apabila kerajaan menetapkan harga RM 60 sebagai harga maksimum?
- A Lebihan permintaan sebanyak 460 unit
 - B Lebihan penawaran sebanyak 460 unit
 - C Lebihan permintaan dan harga akan naik
 - D Lebihan penawaran dan harga akan naik
9. Keluk penawaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan kerana
- A kesan penggantian dan pendapatan.
 - B hukum utiliti sut yang semakin berkurang.
 - C untung yang lebih tinggi menyebabkan harga semakin meningkat.
 - D insentif untung yang lebih tinggi mendorong pengeluar menambahkan pengeluaran.

10. Keluk penawaran beralih ke kiri disebabkan oleh
- A kenaikan harga input.
 - B pertambahan pendapatan.
 - C pertambahan bilangan pengeluar.
 - D peningkatan teknologi pengeluaran.

Soalan 11 hingga soalan 13 berdasarkan gambarajah di bawah.



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan D_0 dan S_0 masing-masing ialah keluk permintaan dan keluk penawaran. Keluk S_0 beralih ke S_1 apabila kerajaan mengenakan cukai.

11. Berapakah cukai per unit yang dikenakan oleh kerajaan terhadap barang itu?
- A RM 2
 - B RM 3
 - C RM 4
 - D RM 5
12. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar?
- A RM 20
 - B RM 30
 - C RM 40
 - D RM 50
13. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengguna
- A RM 10
 - B RM 20
 - C RM 30
 - D RM 40

14. Antara berikut, yang manakah tidak dapat diperolehi daripada data Keluaran Negara dalam jangka masa panjang?
- A Perubahan taraf hidup rakyat.
 - B Perubahan struktur ekonomi negara.
 - C Perubahan corak agihan pendapatan.
 - D Perubahan sumbangan sektor-sektor ekonomi.
15. Antara persamaan berikut, yang manakah **tidak benar**?
- A Keluaran Negara Bersih = Keluaran Negara Kasar – Susut Nilai.
 - B Keluaran Negara Kasar + Pendapatan Faktor Bersih dari luar negeri = Keluaran Dalam Negara Kasar.
 - C Keluaran Negara pada harga faktor + Cukai tak langsung – Subsidi = Keluaran Negara Kasar pada harga pasaran.
 - D Keluaran Negara Kasar pada harga pasaran – Cukai tak langsung + Subsidi = Keluaran Negara Kasar pada kos faktor.
16. Kaedah perhitungan Pendapatan Negara yang tidak diamalkan ni negara Malaysia ialah
- A kaedah keluaran.
 - B kaedah pendapatan.
 - C kaedah perbelanjaan.
 - D kaedah keluaran dan perbelanjaan.

17. Jadual 2 di bawah menunjukkan data pendapatan negara sebuah negara pada suatu tahun tertentu.

| Butir | RM (Juta) |
|---|-----------|
| Pendapatan faktor bersih dari luar negeri | 5000 |
| Susut nilai | 15 000 |
| Cukai persendirian | 30 000 |
| Cukai tak langsung | 25 000 |
| Subsidi | 10 000 |
| Keluaran Negara Kasar pada harga pasaran | 85 000 |

Jadual 2

Berapakah nilai Keluaran Negara Bersih pada kos faktor?

- A RM45 000 juta
 - B RM65 000 juta
 - C RM75 000 juta
 - D RM105 000 juta
18. Antara berikut yang manakah **bukan** fungsi wang?
- A Alat perniagaan.
 - B Alat pengukur nilai.
 - C Alat penyimpan nilai.
 - D Alat perantaraan pertukaran.
19. Bekalan **M1** terdiri daripada
- A wang edaran sahaja.
 - B wang dalam edaran dan deposit bank.
 - C wang dalam edaran dan deposit semasa.
 - D wang dalam edaran dan deposit tabungan.
20. Semua butiran berikut akan menyekat perdagangan bebas, **kecuali**
- A kuota.
 - B devaluasi.
 - C peraturan kesihatan.
 - D kawalan pertukaran asing.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jadual 3 di bawah menunjukkan Harga Barang A dan kuantiti permintaan Barang A, Barang B dan Barang C.

| Harga Barang A (RM) | Barang A (kg) | Barang B (kg) | Barang C (kg) | Pendapatan (RM) |
|---------------------|---------------|---------------|---------------|-----------------|
| 2 | 2000 | 1500 | 1000 | 5000 |
| 4 | 1800 | 1200 | 800 | 3500 |
| 6 | 1600 | 1000 | 600 | 2000 |
| 8 | 1400 | 900 | 500 | 1400 |
| 10 | 1200 | 800 | 400 | 1200 |
| 12 | 1000 | 600 | 200 | 1000 |

Jadual 3

Berdasarkan jadual di atas:

- a. Kirakan keanjalan permintaan harga untuk Barang A apabila harga Barang A menurun dari RM10 ke RM4.

(2 markah)

- b. Kirakan keanjalan permintaan silang antara harga Barang A dan kuantiti Barang B apabila harga Barang A naik dari RM2 ke RM6.

(2 markah)

- c. Berdasarkan jawapan di (b), apakah jenis hubungan antara Barang A dan Barang B?

(1 markah)

- d. Kirakan keanjalan permintaan silang antara harga Barang A dan kuantiti Barang C apabila harga Barang A jatuh dari RM12 ke RM8.


(2 markah)

- e. Kirakan keanjalan pendapatan bagi Barang C apabila pendapatan meningkat dari RM1200 ke RM1400. Apakah jenis barang C.

(3 markah)

SOALAN 2

Rajah 4 di bawah menunjukkan D_0 dan S_0 masing-masing ialah keluk permintaan dan keluk penawaran. Keluk S_0 beralih ke S_1 apabila kerajaan mengenakan subsidi.



Rajah 4

Berdasarkan gambarajah di atas:

- a. Berapakah nilai harga dan kuantiti sebelum subsidi diberikan oleh kerajaan?

(2 markah)

- b. Selepas subsidi diberikan, berapakah nilai harga dan kuantiti yang perlu di bayar oleh pengguna?

(2 markah)

- c. Berapakah jumlah subsidi yang diberi oleh kerajaan?

(1 markah)

- d. Hitungkan jumlah faedah yang dimanfaatkan oleh pengguna dan pengeluar?

(4 markah)

- e. Kirakan jumlah subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan.

(1 markah)

SOALAN 3

Jadual 4 di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

| Butiran | RM juta |
|---|---------|
| Perbelanjaan penggunaan isi rumah | 1 600 |
| Pembentukan modal tetap kasar | 1 090 |
| Eksport | 600 |
| Import | 450 |
| Perbelanjaan kerajaan | 950 |
| Pendapatan faktor bersih dari luar negara | 310 |
| Perubahan inventori | 120 |
| Subsidi | 90 |
| KWSP | 200 |
| Cukai tak langsung | 290 |
| PERKESO | 40 |
| Susut nilai | 220 |
| Cukai pendapatan persendirian | 450 |
| Bayaran pindahan | 170 |

Jadual 4

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ($KDNK_{hp}$) (2 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor (KNK_{kf}) (2 markah)
- Keluaran Negara Bersih (2 markah)
- Pendapatan persendirian (2 markah)
- Pendapatan boleh guna (2 markah)

SOALAN 4

Data kewangan Negara JKK adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

| Butiran | RM (Juta) |
|--|-----------|
| Wang syiling | 11 100 |
| Deposit tetap dan simpanan di bank perdagangan | 22 500 |
| Sijil-sijil Bank Negara Malaysia | 14 600 |
| Sijil deposit bolehniaga | 10 100 |
| Deposit tetap dan simpanan di bank saudagar | 18 450 |
| Deposit tetap di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) | 16 260 |
| Deposit semasa | 21 000 |

Jadual 5

a. Jika wang fiat ialah RM 18 500, berapakah nilai wang kertas?

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi).

(2 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.
Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan mikroekonomi?
(2 markah)
- b. Berapakah prinsip asas falsafah dalam Islam? Nyatakan.
(4 markah)
- c. Terangkan **empat (4)** faktor pengeluaran di dalam ekonomi.
(8 markah)
- d. Berdasarkan gambarajah beserta huraian, berikan **tiga (3)** faktor yang menyebabkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) berubah.
(6 markah)

SOALAN 2

- a. Nyatakan **empat (4)** ciri sistem ekonomi pasaran bebas.
(4 markah)
- b. Dengan bantuan gambarajah, huraikan bagaimana perubahan berikut mempengaruhi keluk permintaan *Darlie*.
(6 markah)
- i. Penurunan harga *Darlie*.
 - ii. Citarasa pengguna beralih kepada *Colgate*.
- c. Nyatakan **empat (4)** jenis barang yang wujud dalam ekonomi.
(4 markah)
- d. Berpandukan rajah, bezakan tentang perubahan dalam kuantiti diminta dan perubahan dalam permintaan.
(6 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan lebih permintaan?
(2 markah)
- b. Berpandukan model aliran sektor isi rumah dan sektor firma, terangkan tentang konsep pendapatan negara.
(6 markah)
- c. Terbitkan formula untuk kaedah perbelanjaan di dalam perakaunan pendapatan negara.
(4 markah)
- d. Jelaskan **tiga (3)** kegunaan pendapatan negara.
(6 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan **dua (2)** bentuk wang dan **dua (2)** kategori wang.
(4 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** fungsi bank perdagangan pusat.
(6 markah)
- c. Apakah **empat (4)** perbezaan antara perdagangan antarabangsa dan perniagaan domestik.
(4 markah)
- d. Huraikan **tiga (3)** tujuan polisi perlindungan yang dipraktikkan sesebuah negara ke atas negara lain.
(6 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT